



# **LAPORAN TINDAKAN TATATERTIB**

**Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam**



# PERATURAN

## **1. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**

- **Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan**
- **Menggantikan Perintah Am Bab 'D' 1980**

## **2. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 - P.U.(A)396**

# PROSEDUR DI DALAM P.U.(A)395/1993



**KES TATATERTIB BIASA**

**35**



**KES PERBICARAAN / SABITAN  
MAHKAMAH JENAYAH**

**28 & 29**



**KES TAHANAN, BUANG NEGERI**

**32**



**KES TIDAK HADIR BERTUGAS &  
TIDAK DAPAT DIKESAN**

**26**



**PENAMATAN PERKHIDMATAN  
DEMI KEPENTINGAN AWAM**

**49**



**SURCAJ**

**51**

# PROSES KERJA : TATATERTIB BIASA



# PERATURAN 3C :

## TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN

3C(1)

Menjadi tugas setiap pegawai menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai bagi apa-apa pelanggaran seberapa segera yang mungkin

3C(2)

Pegawai yang gagal menjalankan pengawasan atau tidak mengambil tindakan ke atas pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peraturan hendaklah disifatkan cuai dan tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib

# LAPORAN KETUA JABATAN

1. Keterangan mengenai butir-butir peribadi dan perkhidmatan pegawai yang dilaporkan.
2. Salinan kenyataan Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan disahkan.
3. Keterangan mengenai pelanggaran yang dilakukan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan tepat. Ia perlu mengandungi maklumat seperti berikut :
  - Jenis kesalahan (Perbuatan salah laku)
  - Tarikh
  - Tempat
  - Peraturan yang dilanggar
  - Keterangan saksi (jika ada)
  - Dokumen pembuktian lain
4. Lain-lain kenyataan yang difikirkan perlu seperti pegawai tersebut pernah dikenakan tindakan tatatertib dan sebagainya



# CONTOH : LAPORAN

Rujukan : JPS.S(5)343/17(10)

Tarikh : 1 Februari 2011

JABATAN AWAM  
MALAYSIA



Urus setia Lembaga Tatatertib

Tuan,

## LAPORAN MENGENAI TATAKELAKUAN CIK LINA BINTI ALI, PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17, JABATAN PERTANIAN SELANGOR

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Cik Lina Binti Ali, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 telah didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah selama 14 hari bermula 3 Januari 2011 sehingga 21 Januari 2011. Pegawai berkenaan telah diarahkan kembali bertugas dengan segera melalui surat berdaftar akuan terima bil. JPS.S(5)343/17(6) bertarikh 13 Januari 2011 dan beliau telah menerima surat tersebut. Walau bagaimanapun pegawai masih tidak melaporkan diri bertugas.

3. Dengan ini pegawai telah melanggar Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan berkelakuan melanggar tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan yang sama iaitu tidak bertanggungjawab. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berkaitan kes pegawai bagi tujuan perakuan tindakan tatatertib

- i) salinan kad perakam waktu;
- ii) surat tunjuk sebab;
- iii) surat arahan kembali bertugas;
- iv) surat pemotongan emolumen pegawai;
- v) kenyataan perkhidmatan pegawai;
- vi) perakuan alamat kediaman terakhir; dan
- vii) ulasan Ketua Jabatan.

4. Sekian dikemukakan untuk tindakan pihak tuan sewajarnya.

Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(AMINAH BINTI ABDULLAH)**

b.p Pengarah  
Jabatan Pertanian Selangor

SULIT



Ruj. Kami: (08)dim.HSAJB/SM/500/(S):14248

Tarikh: 16 December 2010

**SULIT**

Ketua Setiausaha,  
 Kementerian Kesihatan Malaysia,  
 Cawangan Tatatertib,  
 Bahagian Sumber Manusia,  
 Aras 9 & 10, Blok E7, Pacel E,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
 62590 W.P PUTRAJAYA  
 (U.P: Puan Noorzehan Binti Sidin)

Melalui dan Salinan:

Pengarah Kesihatan Negeri Johor,  
 Jabatan Kesihatan Negeri Johor,  
 Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan,  
 Jalan Ayer Molek,  
 80590 JOHOR BAHRU  
 ( u.p: Bahagian Tatatertib )

Tuan,

LAPORAN TATAKELAKUAN – TIDAK HADIR BERTUGAS  
 NAMA :  
 JAWATAN : PEGAWAI PERUBATAN GRED UD54  
 TEMPAT BERTUGAS: JABATAN REHABILITASI, HSAJB

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa [redacted], Pegawai Perubatan Gred UD54 bertugas di Jabatan Rehabilitasi, telah mendapat kelulusan permohonan cuti separuh gaji mulai 27.11.2009 hingga 11.05.2010, walaubagaimanapun pegawai telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah mulai 12.05.2010 sehingga ke tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Dengan itu anggota berkenaan telah melanggar Peraturan 24 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib), 1993 yang berkelakuan melanggar Tatakelakuan Peraturan 4(2),(d),(g) dan (i). Surat Berdaftar Akuan Terima telah dihantar kepada pegawai dan diterima berdasarkan pada tandatangan dan Kad Akuan Terima AR (RR121459276MY) bertarikh pada 01.09.2010.

SULIT



4. Sehubungan dengan itu bersama-sama ini disertakan dua (2) salinan dokumen-dokumen berikut untuk tindakan tuan selanjutnya.

- 4.1 Salinan laporan awal Ketua Unit – 10.06.10
- 4.2 Salinan kad perakam waktu bulan Mei hingga Disember 2010
- 4.3 Salinan surat mengarahkan anggota kembali bertugas- 11.06.10
- 4.4 Salinan kad akuan terima yang terserah (AR) – 01.09.10
- 4.5 Salinan surat akuan terima – 16.08.2010
- 4.7 Pengesahan alamat kediaman terakhir
- 4.8 Salinan Borang Proforma (contoh tandatangan/alamat)
- 4.9 Salinan Kelulusan Cuti Separuh Gaji – 28.12.09
- 4.10 Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti yang kemaskini

Sekian terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA"**

Saya yang menurut perintah,

( AHMAD BIN MUSA )  
 Timbalan Pengarah Hospital ( Pengurusan ),  
 b.p. Pengarah Hospital,  
 Hospital Sultanah Aminah,  
 80100 Johor Bahru.

hsajb.aminah

SULIT



Ketua Setiausaha

(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia  
(Ministry of Education Malaysia)  
Aras 8, Blok E8  
Kompleks Kerajaan Parcel E -  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62004 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846000  
Fax : 03-88885124  
Website : http://www.moe.gov.my

SULIT

Ruj. Kami :

Tarikh : 28 Syawal 1431  
7 Oktober 2010

Y. Bhg. Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62526 PUTRAJAYA

Y. Bhg. Dato' Sri,

LAPORAN MENGENAI TATAKELAKUAN

(NO. KP: )

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG48  
BAHAGIAN KEMENTERIAN PELAJARAN  
MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada laporan yang telah diterima daripada Pengarah Pelajaran Negeri Perak berkenaan dengan tatakelakuan (No. KP: ), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48 yang kini bertugas di Bahagian , Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya kerana melanggar tatakelakuan yang membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap beliau.

2. BUTIR-BUTIR PEGAWAI

- 2.1 Nama Pegawai : \_\_\_\_\_
- 2.2 No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
- 2.3 Tarikh Lahir dan Umur : \_\_\_\_\_ ( \_\_\_\_\_ tahun)
- 2.4 Tarikh Mula Dilantik Dalam Perkhidmatan Kerajaan : \_\_\_\_\_
- 2.5 Tarikh Dilantik Dalam Jawatan Sekarang : \_\_\_\_\_
- 2.6 Tarikh Disahkan Dalam Jawatan : \_\_\_\_\_
- 2.7 Tarikh Dimasukkan Ke Jawatan Berpencen : \_\_\_\_\_

1

SULIT

- 2.8 Jawatan Sekarang dan Gred : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48
  - 2.9 Tempat Bertugas Sekarang : Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
  - 2.10 Tempat Bertugas Semasa Kesalahan Dilakukan : \_\_\_\_\_
  - 2.11 Gaji Sekarang : RM 5,777.12 (P1 T8) +  
RM 550.00 (ITKA) +  
RM 700.00 (ITP) +  
RM 100.00 (BSH) +
  - 2.12 Rekod Tindakan Tatatertib : Tiada
- ... Salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai berkenaan disertakan di Lampiran 'A'.

3. LATAR BELAKANG KES

- 3.1 Satu laporan telah diterima daripada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri bertarikh 11.6.2010 seperti di Lampiran 'B' mengenai tatakelakuan (No. KP: ), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48 semasa bertugas di \_\_\_\_\_ telah didapati mempunyai hubungan sulit dengan (No. KP: ) iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 yang bertugas di \_\_\_\_\_ dan merupakan seorang ibu tunggal ketika itu.
- 3.2 Laporan penyiasatan aduan pelanggan Pejabat Pendidikan Daerah \_\_\_\_\_ bertarikh 2.4.2010 seperti di Lampiran 'C' telah melaporkan bahawa \_\_\_\_\_ telah beberapa kali dilihat bersama pasangannya di kawasan Hotel \_\_\_\_\_ pada bulan November dan Disember 2009.
- 3.3 \_\_\_\_\_ dan pasangannya iaitu \_\_\_\_\_ telah membuat pengakuan mengenai hubungan sulit mereka melalui surat masing-masing seperti di Lampiran 'D' dan 'D1'. Pekara ini turut diakui oleh beberapa orang saksi iaitu \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ yang merupakan rakan karib \_\_\_\_\_ serta Pua \_\_\_\_\_ melalui surat seperti di Lampiran 'E', 'E1' dan 'E2'.
- 3.4 \_\_\_\_\_ juga dilaporkan telah memberi amaran keras kepada guru-guru yang bertugas di \_\_\_\_\_ yang mengetahui hubungan sulit beliau dan pasangannya supaya tidak menghebahkan perkara tersebut di samping memberi ugutan

2

SULIT



SULIT

akan mengenakan tindakan pentadbiran seperti memindahkan guru-guru berkenaan ke sekolah lain.

4. **ULASAN KETUA JABATAN**

- 4.1 Pegawai Pelajaran Daerah [redacted] mendapati bahawa kes yang diadukan adalah berasas dan mencadangkan bahawa [redacted] ditukarkan ke luar daerah memandangkan beliau telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan pendidikan sehingga masyarakat setempat memandang serong dan tidak menghormati pegawai

5. **SYOR KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

- 5.1 Pegawai telah didapati menjalankan hubungan sulit dengan seorang guru wanita yang mana perlakuan tersebut dengan jelas telah melanggar tatakelakuan yang membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap beliau. [redacted] pegawai seharusnya tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh disifatkan sebagai memburukkan imej perkhidmatan pendidikan dan profesion perguruan seperti mana yang telah digariskan oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Tatakelakuan pegawai tersebut dengan jelas melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu berkelakuan sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam. Malahan amat memalukan apabila perlakuan yang sedemikian telah tesebar luas di kalangan guru-guru dan juga masyarakat setempat.
- 5.2 Dengan yang demikian, saya mengesyorkan agar prosiding tatatertib dimulakan terhadap [redacted] Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48.

Sekian.

  
( TAN SRI DR. ZULKURNAIN BIN HAJI AWANG )  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

# CONTOH LAPORAN TIDAK LENGKAP



31 Januari 2011

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6 -7, Blok C2  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p: Sektor Pembangunan Dasar Tatatertib dan Keutuhan)

Tuan,

**LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN KES TATATERTIB**  
**TATA KELAKUAN** \_\_\_\_\_ **BERHUBUNG**  
\_\_\_\_\_ **JABATAN I** \_\_\_\_\_ **MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikipilkan Laporan Jawatankuasa Siasatan Kes Tatatertib Rujukan : \_\_\_\_\_ yang merujuk kepada tata kelakuan pegawai berikut:

Nama : \_\_\_\_\_  
No. K/P : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Gelaran : \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

*Uahis*

b.p. Ketua Pengarah  
MALAYSIA

# SIASATAN




**KAJI : ADUAN / SURAT LAYANG / SPRM / AUDIT /  
JAWATANKUASA SIASATAN**

1. Latar belakang pegawai & alamat kediaman terkini
2. Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini & gambar pegawai
3. Fakta kes / kesalahan pegawai
  - Tarikh
  - Waktu
  - Tempat
  - Peraturan yang dilanggar
  - Keterangan saksi (jika ada)
  - Dokumen bukti berkaitan kes
4. Lain-lain kenyataan yang difikirkan perlu (case by case)

# SIASATAN

Siasatan boleh dibuat diperingkat : -

- ❖ Ketua Jabatan
- ❖ Urus Setia PBTT
- ❖ Di mana-mana, jika difikirkan perlu



Jika Jawatankuasa Penyiasatan ditubuhkan oleh PBTT (yang ada kuasa buang kerja atau turun pangkat) - sub peraturan 37(5) -

- i) Anggota tidak kurang 2 orang yang lebih tinggi pangkat daripada pegawai yang disiasat
- ii) Ketua Jabatan pegawai tidak boleh menjadi anggota Jawatan Kuasa Penyiasatan

# ULASAN KETUA JABATAN (JIKA PERLU)

- Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan ulasan terhadap kes pegawai (jika perlu).
- Jika Ketua Jabatan hendak membuat ulasan, ulasan tersebut hendaklah memfokuskan kepada fakta kes pegawai.
- Jika perlu, kemukakan keterangan, bukti bagi menyokong ulasan yang diberi.
- Ulasan yang diberi hendaklah dikemukakan kepada urus setia PBTT dengan seberapa segera
- Ulasan Ketua Jabatan boleh diperolehi daripada Ketua Jabatan sekarang atau Ketua Jabatan sewaktu kesalahan tatatertib dilakukan

# **PENUTUP**

**Tindakan tatatertib yang dibuat secara teratur mengikut prosedur yang telah ditetapkan dapat memberi keadilan kepada pegawai yang dituduh dimana hak membela diri diberi kepadanya dan hanya fakta kes sahaja diambil kira oleh PBTT dalam membuat pertimbangan maka, dengan itu tindakan tatatertib dapat dilaksanakan dengan adil dan dapat dipertahankan dari segi undang-undang.**